

# Malaysia, Venezuela meterai perjanjian percukaian

| Oleh **MUSTAFA KAMAL BASRI**

KUALA LUMPUR 28 Ogos - Malaysia dan Venezuela hari ini mengukuhkan lagi hubungan dua hala dalam bidang perdagangan apabila kedua-dua negara memeterai perjanjian percukaian.

Kedua-dua negara menandatangani Perjanjian bagi Mengelakkan Cukai Dua Kali dan Mencegah Pengelakkan Cukai Fiskal ke atas Pendapatan.

Menurut kenyataan Bahagian Analisis Cukai, Kementerian Kewangan, majlis menandatangani perjanjian itu diadakan di pejabat Perdana Menteri di Putrajaya disaksikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Presiden Venezuela, Hugo Chaves Frias.

Perjanjian itu ditandatangani oleh Menteri Kewangan II, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop bagi pihak kerajaan Malaysia, manakala Men-

teri Luar Venezuela, Nicolas Maduro mewakili negaranya.

Dengan termeterainya perjanjian itu, Venezuela yang juga merupakan negara pengeluar minyak menjadi rakan perjanjian ke-65 Malaysia dalam bidang percukaian.

Menurut kenyataan itu, perjanjian tersebut membolehkan cukai dua kali ke atas pendapatan dielakkan seperti keuntungan perniagaan, dividen, kadar bunga dan royalti yang diperoleh di Malaysia dan dipindahkan ke Venezuela atau sebaliknya.

Tujuan lain perjanjian itu ialah bagi mencegah pengelakan cukai fiskal melalui prosedur persetujuan bersama dan pertukaran maklumat antara kedua-dua negara, tambah kenyataan itu.

Menurut kenyataan itu, perjanjian tersebut akan turut mengukuhkan lagi hubungan dua hala dalam bidang pelaburan, sosial dan kebudayaan.